

UMS tewaskan UTHM 2-0

UB 06.03.2012 A15

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengalahkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2-0 pada persaingan Liga Divisyen Satu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Stadium UMS tiga hari lalu.

UMS mendahului 1-0 seawal minit keenam hasil jaringan Sarun Rumbis

dan kedudukan itu kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

K. Punaveswaran kemudiannya mengesahkan kemenangan 2-0 Sabah dengan jaringan di minit ke-82.

Ia merupakan kemenangan kedua UMS selepas menang 1-0 ke atas Universiti Malaya (UM) juga di

gelanggang sendiri pada 11 Februari lalu.

UMS bagaimanapun tewas dua pelawanan de gelanggang lawan, kalah 1-4 kepada Multimedia University (MMU) dan tewas 1-2 kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ketua jurulatih, David Johnny berharap kemenangan kedua tersebut adalah permulaan kepada kemenangan yang lebih banyak buat UMS.

Liga Divisyen Satu tersebut melibatkan pasukan UMS, UiTM, MMU, UM, UTHM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kolej Komuniti Kedah (KKK) dan Politeknik Kota Bharu.

Pasukan bersaing secara liga timbal balik.

UMS yang bersaing buat musim ketiga berturut-turut dalam Liga Divisyen Satu tersebut mensasarkan empat tempat teratas musim ini.